

SULIT

MODUL PINTAS TINGKATAN 5 (SET 2)
1103/2(PP)
BAHASA MELAYU
Kertas 2
Peraturan Pemarkahan

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi ____ halaman bercetak.

Markah penuh: 100 markah

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

Markah penuh 35 markah dan dibahagikan kepada

- Soalan 1 : **8** markah
- Soalan 2 : **6** markah
- Soalan 3 : **11** markah
- Soalan 4 : **6** markah
- Soalan 5 : **4** markah

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap **kata sendi nama** dan **kata hubung** yang betul.
Markah **maksimum** untuk **kata sendi nama** dan **kata hubung** ialah **2 markah masing-masing**.
Sebagai contoh, sekiranya calon menyenaraikan tiga kata sendi nama dan hanya 1 kata hubung, markah maksimum yang akan diperolehi hanya 3.
Sekiranya kata sendi nama disenaraikan sebagai kata hubung atau sebaliknya, berikan 0 markah.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata yang diuji telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin/ meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Sengaja menambah, menggugurkan atau menukar imbuhan pada kata, berikan 0 markah.
8. Kata digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
9. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
10. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
11. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.

Soalan 1 – Morfologi

Kata Sendi Nama

- (i) ke
- (ii) dengan*
- (iii) bagai
- (iv) selain
- (v) seperti
- (vi) di

***PERHATIAN:**

Kata *dengan* boleh berfungsi sebagai kata sendi nama dan juga kata hubung. Oleh sebab itu, pemeriksa mesti memastikan ayat yang dibina oleh calon dengan kata “dengan” mesti merupakan kata sendi nama. Sekiranya “dengan” digunakan sebagai kata hubung (iaitu diikuti kata kerja), berikan 0 markah.

Contoh:

Murid dengan markah tertinggi akan diberi ganjaran. (kata sendi nama)	1
Tidak ada banyak perbezaan antara budaya masyarakat tersebut dengan budaya masyarakat kita. (kata sendi nama)	1
Saya memotong kek itu dengan sebilah pisau. (kata sendi nama)	1
Saya memotong kek itu dengan menggunakan sebilah pisau. (kata hubung)	0
Kakak pergi ke sekolah dengan menaiki bas awam. (kata hubung)	0
Mereka membersihkan kawasan sekolah dengan bergotong-royong. (kata hubung)	0

Kata Hubung

- (i) yang
- (ii) setelah
- (iii) kerana
- (iv) dan
- (v) namun
- (vi) walaupun

[Maksimum : 8 markah]

Soalan 2 – Sintaksis

- (i) memartabatkan sistem pendidikan negara – **Frasa Kerja**
- (ii) kepada kemajuan negara – **Frasa Sendi Nama**
- (iii) pada konsep pendidikan manusiawi – **Frasa Sendi Nama**
- (iv) penghayatan kasih sayang – **Frasa Nama**
- (v) peluang pendidikan terbaik – **Frasa Nama**
- (vi) sangat terpuji – **Frasa Adjektif**

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 3 – Penyuntingan

SALAH	BETUL	Penjelasan (<i>untuk rujukan guru</i>)
dibawah	di bawah	“di” ialah kata sendi, bukan imbuhan
Vendalisme	Vandalisme	kesalahan ejaan (jika ditulis dalam huruf kecil 0 markah)
adalah dilarang	dilarang	Kata pemeris “adalah” tidak boleh hadir di hadapan kata kerja
mencat	mengecat	Kesalahan pengimbuhan untuk kata dasar bersuku kata tunggal
karikator	karikatur	Kesalahan ejaan
lain-lain dokumen	dokumen-dokumen lain	Kesalahan Hukum DM
pancaran	pancuran	Kesalahan istilah
samada	sama ada	Kesalahan ejaan

kerosakkan	kerosakkan	Kesalahan pengimbuhan
dihukum	didenda	Kesalahan istilah. Hukuman berupa wang harus menggunakan istilah “denda”
suruhan	perintah	Kesalahan istilah

[Maksimum : 11 markah]

Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4

Deskripsi	Markah
	6
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	5 – 6
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	4
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	3
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	1
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis	1
Ayat disalin bulat-bulat	0
Isi tidak mengikut urutan	

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Semua orang Siam yang pulang itu telah mereka sampai di benua Siam. Setelah itu, Awi Dicu menghadap Paduka Bubunnya. Paduka Bubunnya terlalu marah. Baginda sendiri ingin menyerang Melaka. Paduka Bubunnya mempunyai seorang anak. Namanya, Cau Pandan. Dia memberitahu Ke Bawah Duli Paduka Bubunnya bahawa dia hendak menyerang Melaka. Cau Pandan menyembah, “Duli Pra Cau, lengkapi/siapkan patik kerana patiklah yang akan mengalahkan/menewaskan/menumpaskan Melaka.”

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

(i) **Jalan pintas**

Maksud:

- cara singkat tanpa melalui semua peringkat untuk mencapai sesuatu 1
- kaedah yang mudah dan cepat 1
- laluan cepat 1

(ii) **umpama sirih, menjalar dulu kemudian melilit, barulah memanjat ke pucuk junjung**

Maksud:

- Tiap-tiap pekerjaan hendaklah dikerjakan mengikut aturannya. 1
- Setiap perkara yang kita lakukan mestilah mengikut turutan, iaitu peringkat demi peringkat 1

(iii) **gading mana yang tidak retak**

Maksud:

- tidak ada sesuatu yang betul-betul sempurna 1

[Maksimum: 4 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 6 : **13** markah

Soalan 7 : **12** markah

Soalan 8 : **10** markah

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/sepurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah: Pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup/ ayat gramatis	2
Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup/ ayat tidak gramatis	1
Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah: Pemahaman unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (2 isi) / relevan dengan tugas / ayat gramatis	3
Isi cukup (2 isi) / relevan dengan tugas/ayat kurang gramatis	2
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat tidak gramatis	1
Jawapan salah	0

3. Soalan 4 markah: Pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat kurang gramatis	3
Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	2
Isi tidak cukup (2 isi) / ayat kurang gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat kurang gramatis	1
Jawapan salah	0

4. Soalan 4 markah: Pemahaman unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat kurang gramatis	3
Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	2
Isi tidak cukup (2 isi) / ayat kurang gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat kurang gramatis	1
Jawapan salah	0

Soalan 6 – Pemahaman Petikan Umum

(i) **Maksud meredakan tekanan**

- mengurangkan / melepaskan / meringankan stress / beban 2
- meredakan stress / beban 1
- mengurangkan / melepaskan / meringankan tekanan 1

(ii) **Kebaikan-kebaikan rawatan urutan kepada sakit**

Bahan 1

- P1 melegakan kelesuan
- P2 meredakan tekanan
- P3 mengembalikan kesegaran badan
- P4 membantu melancarkan peredaran darah pada kaki
- P5 melegakan sengal dan lenguh

Bahan 2

- P1 berupaya mengurangkan kesakitan
- P2 meningkatkan fungsi mekanikal atau pergerakan seseorang
- P3 dapat mengatasi masalah saraf tersepit

Bahan 3

- P1 membuang angin di dalam badan
- P2 mengubati insomnia
- P3 mengurangkan sakit leher dan belakang

Nota : Jawapan mestilah berdasarkan semua bahan.

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

(iii) **Sebab-sebab rawatan alternatif semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat**

- P1 lebih selamat digunakan kerana tiada bahan kimia
- P2 penggunaan bahan-bahan semula jadi / tumbuh-tumbuhan / herba
- P3 kos rawatan lebih murah
- P4 kurang kesan sampingan
- P5 banyak dipromosikan dalam media massa
- P6 terpengaruh dengan testimoni pengguna lain

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iv) **Langkah-langkah yang perlu diambil**

- P1 menasihatinya supaya berjumpa dengan doktor
- P2 meminta bantuan ahli keluarga lain turut menasihatinya
- P3 memujuknya dengan lebih tegas untuk mendapatkan rawatan
- P4 memberitahu kepadanya tentang akibat tidak mendapatkan rawatan
- P5 menunjukkan bukti / statistik / data tentang keadaan pesakit lain yang sama penyakit dengannya

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]



Soalan 7 – Pemahaman Petikan Sastera

(i) Tanggungjawab-tanggungjawab Ahmad Mutawakkil

- | | | |
|----|---|---|
| P1 | ke sana sini untuk berceramah | 1 |
| P2 | Ahmad Mutawakkil turut menulis dalam surat khabar | 1 |
| P3 | Dia juga terkenal sebagai wartawan | 1 |

[Maksimum : 2 markah]

(ii) Layanan penjajah terhadap para pejuang

Bahan 1

- P1 penjajah menggelarkan kau / pahlawan / pejuang penderhaka
P2 membunuh dan menangkap setiap pejuang

Bahan 2

- P1 Tuan Booth mahu meraikan kejayaannya itu

Nota : Jawapan mestilah berdasarkan semua bahan. Tidak menyalin bulat-bulat daripada teks puisi.

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Cara-cara untuk memastikan jasa mereka benar-benar kekal subur dalam kalangan masyarakat

- P1 menerbitkan filem berkaitan dengan pahlawan
P2 menamakan bangunan atau jalan dengan nama pahlawan
P3 membina tugu negara / memorial
P4 menyediakan sudut tentang pahlwan di muzium
P5 menerbitkan buku / biografi berkaitan pahlawan

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iv) Aktiviti-aktiviti

- P1 mengadakan pertandingan menulis karangan berkaitan pejuang
P2 mengadakan pertandingan melukis poster / mural berkaitan pejuang
P3 mengadakan pertandingan mencipta sajak / syair / pantun tentang pejuang
P4 menyediakan satu sudut berkaitan pejuang di kelas atau di bangunan sekolah
P5 mengadakan lawatan sambil belajar

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 8 – Novel

(i) Pandangan Dr. Rushdi tentang kecantikan

- P1 kecantikan merupakan hadiah pertama daripada alam kepada kita
- P2 kecantikan juga yang pertama diambil-Nya
- P3 kecantikan akan lenyap ditelan usia
- P4 kecantikan tidak mampu bertahan lama

Nota: Perlu disalin bulat-bulat daripada petikan

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Panduan pemarkahan bagi soalan 8 (ii)

(ii) Soalan novel: 6 markah

- a) Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari.
- b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- c) Beri 1 markah bagi setiap **isi** yang betul.
- d) Bagi 1 markah bagi peristiwa / huraian / contoh yang lengkap / jelas bagi setiap isi.
- e) Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap isi dan peristiwa/ huraian/ huraian.
- f) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh
Baik : 2 markah
Lemah : 1 markah
- g) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah untuk bahasa.
- h) Calon tidak menjawab 0 markah.

Peristiwa yang perlu dihindari dalam kehidupan

Leftenan Adnan Wira Bangsa

1. **Peristiwa:** Peristiwa penduduk Kampung Sungai Ramal yang memandang serong kepada Pak Saidi atas tindakannya menghantar Adnan ke sekolah Inggeris.

Huraian: Peristiwa ini perlu dihindari dalam kehidupan kerana kita seharusnya tidak boleh berprasangka buruk terhadap tindakan orang lain.

2. **Peristiwa:** Peristiwa Pak Saidi dibunuh dengan tembakan jarak dekat oleh tentera Jepun ketika mencari ahli keluarga Leftenan Adnan akibat dendam akan Leftenan Adnan.

Huraian: Peristiwa ini perlu dihindari dalam kehidupan kerana kita hendaklah menghindari sikap suka berdendam.

3. **Peristiwa:** Peristiwa Nordin dan kawan-kawannya membuang masa dengan duduk berjam-jam di warung.

Huraian: Peristiwa ini perlu dihindari dalam kehidupan kerana kita haruslah mengelakkan diri daripada melakukan perkara yang tidak berfaedah.

4. **Peristiwa:** Peristiwa Samad sanggup menjadi tali barut dan pengintip kepada tentera Jepun dengan memberikan maklumat kepada pihak musuh.

Huraian: Peristiwa ini perlu dihindari dalam kehidupan kerana kita sepatutnya menunjukkan sikap taat setia kepada negara.

5. **Peristiwa:** Peristiwa Mamat menyatakan keinginannya untuk bersekolah Inggeris tetapi ayahnya melarang kerana kluatir dia akan lupa akan agama.

Huraian: Peristiwa ini perlu dihindari dalam kehidupan kerana masyarakat perlulah berfikiran terbuka untuk menjamin masa depan.

Tirani

1. **Peristiwa:** Peristiwa Waheeda berhasrat ingin melakukan pembedahan plastik pada wajahnya kerana obses dengan kecantikan dan malu akan kekurangan diri.

Huraian: Peristiwa ini perlu dihindari dalam kehidupan kerana mengubah wajah untuk kecantikan bercanggah dengan ajaran agama.

2. **Peristiwa:** Peristiwa Dr. Zahari kerap bertandang ke rumah tunangnya iaitu Bazilah, rakan baik kepada Waheeda dan berbual mesra dengan Waheeda.

Huraian: Peristiwa ini perlu dihindari dalam kehidupan kerana masyarakat perlu menjaga batas pergaulan sesama orang yang bukan muhrim.

3. **Peristiwa:** Peristiwa Waheeda tidak hadir ke majlis pertunangannya dengan Zahid tanpa memaklumkan kepada sesiapa kecuali Fatimah dan Ghazi.

Huraian: Peristiwa ini perlu dihindari dalam kehidupan kerana perbuatan sebegini boleh mengaibkan nama keluarga.

4. **Peristiwa:** Peristiwa Waheeda sering diejek oleh rakan-rakannya seperti Si Nuar, Si Man dan Mat Gusi kerana bermata sepet dan berhidung pesek.

Huraian: Peristiwa ini perlu dihindari dalam kehidupan kerana perbuatan mengejek orang lain boleh menjatuhkan maruah seseorang.

5. **Peristiwa:** Peristiwa Waheeda diceraikan oleh Zahid akibat meragui status anaknya kerana wajah yang tidak serupa dengan mereka.

Huraian: Peristiwa ini perlu dihindari dalam kehidupan kerana setiap pasangan suami isteri perlu bersikap jujur dan saling mempercayai antara satu sama lain.

(Peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai)

BAHAGIAN C : RUMUSAN
[30 markah]

Soalan 9

Markah penuh **30** dibahagikan kepada:

- (a) **Isi** – **20 markah**
(b) **Bahasa** – **10 markah**

- (a) **Isi [20 markah]**

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
- nama khas
 - perkataan berganda
 - penggunaan kata sendi di dan ke
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - gelaran
 - penanda wacana
 - peribahasa
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 perkataan** sahaja, yang **selebihnya tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurang 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

- (b) **Bahasa [10 markah]**

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung pada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8 – 10 markah	• Kesenambungan ayat yang <i>sangat</i> baik • Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu • Penggunaan kosa kata luas dan tepat • Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan
Baik	5 – 7 markah	• Kesenambungan ayat baik • Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu • Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat • Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan
Sederhana	3 – 4 markah	• Kesenambungan ayat <i>kurang</i> baik • Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu

		• Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat • Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan
Lemah	1 – 2 markah	• Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami

Nota:

- (i) Jika menjawab dalam bentuk poin/ fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- (ii) Jika markah isi 6 markah dan ke atas. Markah bahasa dinilai seperti biasa.
- (iii) Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- (iv) Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
- (v) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Maksimum : 10 markah]

Pendahuluan [2 markah]

- P1 ... membincangkan punca-punca / faktor-faktor / sebab-sebab kepupusan haiwan liar, langkah-langkah / cara-cara / usaha-usaha mengatasi kepupusan haiwan liar dan kesan-kesan / akibat-akibat / kepupusan hidupan liar 2
- P2 ... membincangkan punca-punca / faktor-faktor / sebab-sebab kepupusan haiwan liar 1
- P3 ... membincangkan langkah-langkah / cara-cara / usaha-usaha mengatasi kepupusan hidupan liar 1
- P4 ... membincangkan kesan-kesan / akibat-akibat / kepupusan hidupan liar 1

Isi [16 markah]

FOKUS 1: punca-punca / faktor-faktor / sebab-sebab kepupusan haiwan liar

Bahan 1

- A1 sikap manusia yang rakus dan tidak bertimbang rasa 2
- A2 dasar-dasar perlindungan dan pemuliharaan hutan serta hidupan liar pula masih belum cukup mantap 2
- A3 kegiatan pembukaan tanah secara besar-besaran untuk tujuan pertanian dan pembangunan 2
- A4 haiwan-haiwan lambat membiak dan melahirkan anak 2

Bahan 2

- B1 Pembalakan haram 2
- B2 Pembakaran hutan / pokok-pokok dibakar 2
- B3 Pencemaran alam / asid dan minyak dibuang sembarangan / sesuka hati 2

FOKUS 2: langkah-langkah / cara-cara / usaha-usaha mengatasi kepupusan hidupan liar

Bahan 1

- C1 pihak berkuasa perlu menangani masalah ini melalui perkongsian maklumat meliputi agensi kerajaan dan agensi lain yang berkaitan. 2
- C2 penguatkuasaan undang-undang hidupan liar perlulah diperkukuh secara tegas 2
- C3 masyarakat wajarlah menyedari tanggungjawab mereka untuk melindungi hidupan liar. 2

Bahan 2

- D1 mendidik generasimu bersikap cakna 2

D2	memupuk kesedaran diri secara berterusan	2
----	--	---

FOKUS 3: kesan-kesan / akibat-akibat kepupusan hidupan liar

Bahan 3

E1	menyebabkan ketidakseimbangan ekosistem berlaku	2
E2	pengecilan habitat akan terjadi kepada hidupan liar	2
E3	rantaian makanan semua hidupan termasuk kita turut terjejas	2

Kesimpulan [2 markah]

K1	Kesimpulannya hidupan liar perlu dilindungi / agar dapat memastikan populasi hidupan ini tidak terganggu.	2
K2	Kesimpulannya hidupan liar perlu dilindungi	1

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT